

MAJALAH
PERCUMA
BIL. 2/2014



Buletin MDSB

BERDAYA • BERRAKTI • BERKUALITI

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM



KEJOHANAN GT RADIAL PIALA EMAS RAJA-RAJA 2014



MS04

Gotong royong bersama
ADUN Sabak sempena Kempen
Sabak Bernam Bersih & Indah



MS10

Perhimpunan pagi
kakitangan bersama Pemangku
Yang Dipertua dan Ahli Majlis





Sidang Ridaksi

PENAUNG

Puan Hajah Azlinda Binti Azman

PENASIHAT

Encik Awaluddin Bin Zakaria, AMS.

KETUA EDITOR

Puan Noraini Binti Ahmad@Md Yusof

SETIAUSAHA


Encik Mohd Nor Syafiq Bin Mohd Yusof

PENOLONG EDITOR

Puan Mimi Azrina Binti Musolli
Encik Ismail Fairiz Bin Basiron
Encik Mohd Faizal Bin Ahmad
Encik Mohd Taib Bin Akhil
Encik Mohamad Faez Bin Mohd Sapuan
Encik Zahairul Bin Abd Rahman
Puan Norazizah Binti Hj Azmi
Puan Norhaslina Binti Harip
Puan Noraziah Binti Ismail
Puan Norzati Binti Ismail
Puan Noorainiza Binti Mohd Idris
Cik Navasunthri a/p Munandy

DITERBITKAN OLEH

Majlis Daerah Sabak Bernam,
45300 Sungai Besar, Selangor.D.E.



Kandungan

- 03 Kempen Sabak Bernam Bersih & Indah
- 03 Gotong Royong Sempena Kempen Sabak Bernam Bersih & Indah
- 04 Gotong royong bersama ADUN Sabak sempena Kempen Sabak Bernam Bersih & Indah
- 05 Tanam Pokok Tingkatkan Mutu Alam Sekitar
- 06 Hari Mesra Pelanggan (HMP)
- 07 Cabaran Bukit Fraser
- 08 Jelajah Walkathon Bes Peringkat Daerah Sabak Bernam
- 08 Kayuhan Basikal Tangan Orang Kurang Upaya (OKU)
- 09 Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) – tremendous
- 10 Perhimpunan Pagi Kakitangan Bersama Pemangku yang Dipertua dan Ahli-Ahli Majlis
- 11 Kejohanan Bola Sepak Terbuka Piala YDP
- 12 Kejohanan GT Radial Piala Emas Raja-Raja 2014
- 13 Penguatkuasaan
- 15 Kerja-Kerja Pembersihan
- 16 Aktiviti Kelab Sukan, Kebajikan & Sosial MDSB
- 17 Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2008 & Amalan Persekutuan Berkualiti 5s
- 18 Laporan Prestasi Kewangan Tahun 2014
- 19 Info Pendakwaan & Info Perkhidmatan MDSB
- 20 Lensa MDSB

Nota

Sebarang aktuar/pandangan boleh dikemukakan kepada Ketua Editor di :

Unit Korporat & Perhubungan Awam, atau menghubungi:

03-32241655/ 1414/ 1000 (P)

03-3224539/ 2766 (F)

03-32242121 (Call Centre)

Laman web : www.mdsb.gov.my



KEMPEN SABAK BERNAM



Bersih & Indah

**JOM BERSAMA MDSB
MENJAYAKAN KEMPEN INI**

'Menjaga Kebersihan Adalah Tanggungjawab Bersama'

Kempen Sabak Bernam Bersih & Indah dilancarkan dan disampaikan oleh Y.B. Tuan Ng Suee Lim, ADUN Sekinchan pada 14 Oktober 2014 semasa Program Gotong Royong Perdana Di Pasar Awam Sekinchan. Tujuan utama kempen ini dilaksanakan adalah bagi menyedarkan penduduk daerah Sabak Bernam bersama-sama mementingkan aspek kebersihan dan merealisasikan perancangan untuk mewujudkan daerah yang bersih, indah dan nyaman. Selain itu dengan adanya kempen seumpama ini, peniaga serta masyarakat mempunya tanggungjawab dan peranan sendiri untuk menjaga kebersihan serta lebih prihatin dalam aspek kebersihan. Antara pengisian perancangan kempen ini ialah Kempen Kitar Semula, Kempen Cegah Denggi, Kempen Tanam Pokok, Operasi Pembersihan Lorong Belakang, Ops Sampah Haram dan Gotong Royong.

Ekoran menyahut seruan Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor, MDSB tidak ketinggalan melaksanakan kempen ini sebagai tanda sokongan kepada program Kerajaan Negeri. Sebagai tema 'Menjaga Kebersihan Adalah Tanggungjawab Bersama' MDSB menyahut semua penduduk khasnya jawatankuasa penduduk untuk bersama-sama menjadikan kebersihan amalan yang terpuji.

Kempen ini disasarkan bermula Oktober hingga disember 2014 diharap sedikit sebanyak telah menubah keadaan tahap kebersihan pekan-pekan terutamanya kawasan perumahan.




Gotong Royong

Sempena Kempen Sabak Bernam
Bersih & Indah

Majlis Daerah Sabak Bernam telah menganjurkan Program Gotong Royong Sempena Kempen Sabak Bernam Bersih & Indah (SBBI) pada 14 dan 15 Oktober 2014 bertempat di Pasar Awam Sekinchan dan Sungai Besar. Acara dimulakan dengan kata aluan oleh Pemangku Yang Dipertua Encik Awaluddin bin Zakaria dan disusuli ucapan perasmian oleh YB Ng Suee Lim, ADUN Sekinchan. Simbolik upacara perasmian dilaksanakan oleh YB bersama VIP-VIP lain dengan membersihkan longkang utama Pasar Awam Sekinchan menggunakan hos bomba. Seterusnya program diteruskan dengan aktiviti gotong-royong bersama 117 peniaga diseluruh kawasan Pasar Awam Sekinchan dan 160 peniaga Pasar Awam Sungai Besar. Pihak MDSB juga membantu dari segi peralatan pembersihan, logistik dan lain-lain.



Tujuan utama pelaksanaan gotong-royong ini adalah untuk memberi kesedaran dan memupuk rasa tanggungjawab dalam diri setiap peniaga. Ia juga diharap dapat mendidik para peniaga Pasar Awam Sekinchan dan Sungai Besar agar sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang telah diletakkan oleh pihak MDSB. Ianya juga bagi memastikan pasar awam sentiasa dalam keadaan yang bersih dan tersusun selaras dengan kempen 'Sabak Bernam Bersih dan Indah'. Program ini akan diteruskan setiap tahun bagi memberi kesedaran kepada para peniaga.



GOTONG ROYONG BERSAMA ADUN SABAK SEMPENA KEMEN SABAK BERNAM BERSIH & INDAH (SBBI)

Majlis Daerah Sabak Bernam dengan kerjasama Pejabat kesihatan Daerah Sabak Bernam telah menganjurkan Gotong-royong Bersama YB ADUN Sabak & MDSB sempena kempen Sabak Bernam Bersih Dan Indah (SBBI) pada 08 November 2014 (Sabtu) mulai jam 8.00 pagi di Taman Damai, Sabak Bernam dan tempat berkumpul adalah di Balai Raya, Taman Indah, Sabak Bernam. Program ini telah dirasmikan oleh YB Sallehin bin Mukhyi, ADUN Sabak. Antara pengisian program adalah program gotong royong di sekitar kawasan Taman Damai, memusnahkan tempat pembiakan jentik-jentik, pembersihan lorong belakang dan pemberian ubat jentik-jentik (Abate).

Seramai lebih 80 orang telah ke program tersebut yang terdiri daripada Ahli Majlis, Pengurus Penggerak Belia Tempatan (PeBT), Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam (PKD), penduduk Taman Damai, Sabak Bernam dan kakitangan MDSB.



Pada 15 Oktober 2015, MDSB dalam usaha melestarikan lagi keindahan alam sekitar telah mengadakan program menanam pokok sempena Kempen Sabak Bernam Bersih & Indah. Sebanyak 100 pokok jenis Tekoma ditanam di sepanjang jalan dari Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Besar manakala 200 pokok lagi di Sungai Limau. Antara jenis pokok yang ditanam di Tonggak 10 dan Sabak Waterfront terdiri daripada 80 pokok jenis palma ekor musang, 80 jambu kuning, 80 kiara payung dan 60 iron wood. Sebanyak 30 pokok ditanam sendiri Pemangku YDP serta Ahli Majlis MDSB sebagai langkah permulaan dalam memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai pemuliharaan alam sekitar.

Kempen ini juga mendapat kerjasama Pertubuhan Perancangan Malaysia (MIP) ini menyahut seruan Jabatan Landskap Negara dan Jabatan Perancangan Bandar & Desa agar 10,000 pokok dapat ditanam menjelang 2020.

Program Penanaman Pokok Anjuran bersama MDSB dan Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP), Hari Perancang Bandar Sedunia ini telah dirasmikan oleh Pemangku Yang Dipertua MDSB, Enok Awaluddin bin Zakaria, AMS. dan President MIP, Hj. Nazri Mohd Nordin. Sebanyak 500 unit batang pokok pelbagai jenis telah ditanam di pekan Sungai Besar dan Sabak. YDH Dato Haji Baharin bin Mat Akhir, Y.B Salehin bin Mukhyi, Ahli-ahli Majlis dan kakitangan kerajaan serta lebih 300 orang awam turut sama hadir menjayakan program ini.

Menerusi program ini juga, ia secara tidak langsung mampu memulihara dan meningkatkan lagi mutu alam sekitar di sekitar daerah ini yang terkenal dengan daerah pertanian. Selain itu, program ini bukan sahaja menekankan kepada usaha menanam sahaja tetapi penyelenggaraan dan pengurusan kawasan hijau terbaik agar ia memberi faedah yang sepatutnya.



Hari Mesra Pelanggan (HMP)



Hari Bertemu Pelanggan Majlis Daerah Sabak Bernam telah diadakan pada 10 Oktober 2014 di Dewan Sri Sekinchan, Sekinchan dan 10 Disember 2014 di Dewan Tun Razak, Sabak Bernam. Program ini diadakan sebagai salah satu saluran mendekati masyarakat dalam meningkatkan sistem penyampaian kepada masyarakat selain meninjau sejauh mana keberkesanannya perkhidmatan MDSB kepada masyarakat selama ini. Objektif utama program ini adalah sebagai proses mendapatkan pandangan dan tempat menyuarakan ketidakpuasan hati masyarakat setempat terhadap pelbagai isu berkaitan Perkhidmatan, Infrastruktur dan lain-lain untuk diambil perhatian oleh pihak MDSB. Selain itu, orang awam dapat bertemu dengan Ketua Jabatan/ Bahagian/ Unit MDSB untuk mendapatkan maklumbalas terhadap aduan secara terus.

Program dimulakan dengan ucapan Pemangku Yang Dipertua, Enok Awaluddin bin Zakaria, AMS. Beliau menyatakan bahawa program ini diadakan adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana komitmen semua dan lebih mendekati masyarakat. Beliau juga memaklumkan bahawa program ini kali ini turut disertai oleh Unit Vektor,(PKD), bagi sesi penerangan tentang Wabak denggi yang semakin meningkat di daerah Sekinchan, terutamanya di kawasan Pasir Panjang.



Cabarán Bukit **Fraser**

MDSB telah menganjurkan program kayuhan basikal bersama pegawai dan kakitangan serta Ahli Majlis MDSB pada 23 & 24 Ogos 2014 bertujuan menguji ketahanan dan kesabaran serta mencabar pengayuh terutama kemahiran menggunakan gear rendah dan mendaki bukit. Selain itu, pengayuh juga dapat menikmati pemandangan indah dan menghirup udara yang nyaman. Seramai 19 orang pengayuh telah terlibat dalam program ini Pada 23 Ogos 2014 (Sabtu) jam 2.30 petang, semua peserta telah bertolak ke Hulu Selangor menaiki kendaraan Jabatan. Peserta telah menginap di Rumah Rihat Hulu Selangor. Pada malam tersebut diadakan solat berjemaah dan Bacaan Yassin serta Tahli. Selesai solat Isya', semua peserta menjamu selera dan BBQ.

Kayuhan ini bermula keesokan harinya pada 24 Ogos 2014 (Ahad) bermula jam 8.15 pagi setelah pengayuh sampai ke Sungai Chiling dan memulakan kayuhan mendaki untuk menuju ke Bukit Fraser. Peserta mengayuh melalui laluan yang berbukit dan memberi cabaran serta menguji ketahanan fizikal dan mental peserta untuk sampai ke puncak.

Semua peserta kayuhan telah mengambil masa hampir 4 jam untuk sampai ke puncak dengan melalui beberapa kawasan henlian rehat sebelum menyambung semula kayuhan. Tepat jam 12.15 tengahari, semua peserta telah sampai ke Bukit Fraser untuk berehat dan makan tengahari.

Dalam perjalanan pulang, semua peserta sempat singgah di Masjid Kuala Kubu Bharu untuk menunaikan Solat Asar berjemaah. Selepas solat, semua peserta bertolak pulang dan sampai di Sungai Besar pada jam 6.00 petang.

Program kayuhan basikal ke Bukit Fraser telah memberi pengalaman serta cabaran yang menarik kepada semua peserta dan program ini akan menjadi acara tahunan.

Jelajah Walkathon

BES Peringkat Daerah Sabak Bernam



Kerajaan Negeri Selangor bersama Majlis Daerah Sabak Bernam dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Sabak Bernam telah menganjurkan Program Jelajah Walkathon Bes Peringkat Daerah Sabak Bernam 2014 pada 25 Oktober 2014 (Sabtu) mulai jam 7.30 pagi – 12.00 tengahari di Dataran Rakyat, Sabak Bernam. Antara tetamu jemputan yang hadir adalah Y.B Tuan Haji Sallehen bin Mukhlis, ADUN Sabak, Ahli-Ahli Majlis, Ketua Jabatan, Penyelaras DUN dan Pengurus PeBT. Program telah dirasmikan oleh Y.B Tuan Amirudin bin Shari, EXCO Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan. Antara pengisian program adalah Program Berjalan Kaki / Walkathon sejauh 5km, Tanik Tali Terbuka dan Pertandingan Futsal. Program ini juga telah mendapat tajaan minuman dari Air Minuman ABASS, Milo dan roti oleh Gardenia.

Seramai lebih 400 orang telah menyertai program ini yang terdiri dari pelajar-pelajar sekolah iaitu :

- 1) SMK Ungku Aziz ;
- 2) SMK Tunku Abdul Rahman Putra ;
- 3) SK Lum Hua ; dan
- 3) SK Batu 36.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Encik Abu Talib bin Bujang, Ahli-Ahli Majlis dan tetamu jemputan yang hadir. Sebanyak 30 hadiah cabutan bertuah telah diberikan kepada peserta program.



Kayuhan Basikal Tangan Orang Kurang Upaya (OKU)



Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Majlis Daerah Sabak Bernam bersama Tourism Selangor Sdn Bhd dan Persatuan Sukan Dan Rekreasi Orang Kurang Upaya Negeri Selangor (PESRON) telah mengadakan Program Kayuhan Basikal Tangan OKU 2014 pada 16 November 2014 (Ahad) di Dataran Tonggak 10, Sungai Besar. Seramai 50 orang peserta OKU telah menyertai program ini. Antara tetamu jemputan yang hadir ialah Y.B Tuan Sallehen bin Mukhlis, ADUN Sabak, Erick Awaluddin bin Zakaria, Pemangku Yang Dipertua, MDSB, Encik Shahidon bin Hanafiah, Presiden PESRON Selangor dan Encik Hafeezudin bin Razak, Tourism Selangor. Program ini diadakan bertujuan bagi memberi peluang kepada peserta OKU menunjukkan bakat mereka kepada masyarakat seperti menyertai acara berkerusi roda, tarian, nyanyian dan banyak lagi. Kerajaan Negeri Selangor juga akan membantu golongan OKU ini mendapat bantuan yang sewajarnya seperti masyarakat yang lain. Program ini telah mendapat sambutan yang baik dan akan dijadikan acara tahunan memandangkan program ini adalah julung kali diadakan di Negeri Selangor.





KUMPULAN INOVATIF KREATIF (KIK)

Majlis Daerah Sabak Bernam telah menyertai pertandingan Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Selangor pada 12 dan 13 November 2014 bertempat di Foyer Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Tujuan utama pertandingan ini diadakan adalah bagi mencungkil bakat serta penjanaan idea kreatif di kalangan kakitangan kerajaan.

MDSB telah menghasilkan dua produk yang dinamakan Flexi Excavator (penyodok longkang boleh laras) dan Grass Ranger (piring tebas rumput). Fungsi utama produk flexi excavator ialah bagi memudahkan kerja-kerja kutipan sampah dalam longkang. Ianya boleh dilaraskan dalam beberapa keadaan iaitu besi alumunium boleh dilaraskan dalam keadaan panjang dan pendek, pengorek longkang boleh dilaraskan dalam keadaan lurus dan bengkok serta memecahkan lemak yang telah keras di dalam longkang.

Manakala fungsi utama bagi produk grass ranger ialah untuk menguatkan piring penebas mesin rumput dan mengelakkan mesin penebas tercabut serta menjimatkan kos penggantian alat ganti dan meningkatkan kecekapan menebas. Antara keistimewaan produk tersebut ialah dapat menjimatkan kos operasi sebanyak 60%.

Antara Kejayaan Flexi Excavator dan Grass Ranger ialah johan dan naib johan dalam pertandingan KIK peringkat jabatan/ bahagian/ unit MDSB dan buat pertama kalinya MDSB menyertai pertandingan KIK peringkat Negeri Selangor.





Perhimpunan Pagi Kakitangan Bersama Pemangku Yang Dipertua Dan Ahli-ahli Majlis



Dalam perhimpunan ini juga turut diadakan majlis pelancaran MySMS yang akan digunakan sepenuhnya pada tahun 2015. Tujuan utama MySMS ini diwujudkan adalah bagi memudahkan urusan pelanggan dari segi perkhidmatan yang disediakan oleh MDSB terutamanya aduan awam. Nombor MySMS yang boleh dihubungi ialah 15888.



Pemangku Yang Dipertua, Ahli Majlis dan kakitangan MDSB kali ke 4 telah diadakan di Dewan Sri Bernam, MDSB. Program dimulakan dengan persembahan kior yang membawakan 3 buah lagu rasmi iaitu Lagu Negeri Selangor, Lagu Negaraku dan Lagu Gemilang MDSB. Diikuti dengan bacaan doa dipimpin oleh Tuan Haji Imam Nasro bin Haji Othman. Bacaan Ikrar 'Perkhidmatan Awam' pula dipimpin oleh Encik Nor Azizi bin Soberi daripada Bahagian Pengurusan dan Keselamatan. Antara intipati ucapan Pemangku Yang Dipertua adalah menyeru semua warga kerja MDSB agar bekerja dengan bersungguh-sungguh dan menanamkan sifat sayangkan MDSB sebagai tempat mencari rezeki. Beliau turut berpesan agar menjaga disiplin dan tingkah laku serta menerapkan sifat tanggungjawab yang tinggi demi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Beliau juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Majlis dan kakitangan yang telah menyumbang idea, tenaga dan nasihat sepanjang tempoh 2014.





Majlis Daerah Sabak Bernam telah menganjurkan Kejohanan Bola Sepak Terbuka Daerah Sabak Bernam Piala Yang Dipertua MDSB 2014 selama 2 bulan bermula 13 Oktober 2014 hingga 4 November 2014. Sebanyak 20 pasukan telah menyertai kejohanan ini dan pada perlawanan akhir, pasukan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah bertemu dengan pasukan Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI). Pasukan MDKS adalah Johan liga dalam Kumpulan 'A' dan MPTI adalah Johan liga dalam Kumpulan 'C'. Antara tetamu jemputan yang hadir ialah Y.B Tuan Haji Sallehen bin Mukhyi, ADUN Sabak, Encik Awaluddin bin Zakaria, Pemangku Yang Dipertua, MDSB, Puan Hajah Noraini binti Roslan, Yang Dipertua, MDKS, Encik Yuzaile bin Yusop, Ahli Majlis MPTI, Ahli-Ahli Majlis MDSB, Penyelaras PKM, Ketua-ketua Jabatan, Pengurus PeBT, dan Pengurus-pengurus Pasukan Bola Sepak.

Perlawanan menyaksikan kedua-dua pasukan bersaing untuk mendapatkan jaringan gol untuk separuh masa pertama tetapi gagal menyempurnakan peluang-peluang keemasan sehingga saingan separuh masa kedua sebanyak 2 gol dapat dijaringkan oleh pasukan MPTI.

Ketika perlawanan berlangsung sengit, ada di antara pemain telah diberikan kad kuning dan kad merah oleh pengadil kerana telah mengasari pemain pasukan lawan. Keputusan jaringan kekal hingga wisel penamat MDKS (0-2) MPTI.

Berikut merupakan keputusan perlawanan kejohanan :-



Johan telah menerima wang tunai RM2,000.00, Medal dan Hamper, Naib Johan pula menerima RM1,500.00, Medal dan Hamper, Ketiga menerima RM1,000.00, Medal dan Hamper, dan Keempat menerima RM750.00, Medal dan Hamper. Hadiah kejohanan telah disampaikan oleh Encik Awaluddin bin Zakaria, Pemangku Yang Dipertua, MDSB.



KEJOHANAN GT RADIAL PIALA EMAS RAJA-RAJA 2014

Persatuan Bola Sepak Melayu Selangor bersama Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) dan Majlis Daerah Sabak Bernam telah menganjurkan Kejohanan GT Radial Piala Emas Raja-Raja 2014 yang ke-74, pada 14 – 16 November 2014 dan 29 November 2014 mulai jam 4.30 petang bertempat di Stadium Sungai Besar dan Stadium Sabak Bernam, Selangor. Sebanyak 4 pasukan dalam Kumpulan A telah mengadakan perlawanan di daerah ini iaitu Selangor, Perlis, MASUM dan Singapura. Perlawanan pembukaan pada 14 November 2014 telah dihadiri oleh Y.B Tuan Amirudin bin Shari, Pengurus Jawatankuasa Tetap, Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Encik Firdaus bin Mohamed, Presiden Persatuan Bola Sepak Melayu Selangor (PBSMS), Encik Shamsul Shahri Badiliza bin Mohd Nor, Pengarah Eksekutif Majlis Sukan Negeri Selangor, Encik Mohd Nizam bin Marjugi, Timbalan Pengarah, Majlis Sukan Negeri Selangor, Encik Awaluddin bin Zakaria, Pemangku Yang Dipertua, MDSB, Penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat, Ahli-Ahli Majlis, dan Ketua-ketua Jabatan MDSB dan tetamu jemputan yang lain.

Seterusnya, Majlis Daerah Sabak Bernam diberikan penghormatan sekali lagi bagi melaksanakan perlawanan peringkat suku akhir GT Radial Piala Emas Raja-Raja 2014 diantara Selangor bertemu Pahang. Berikut merupakan keputusan perlawanan peringkat suku akhir.

Keputusan Perlawanan Peringkat Suku Akhir :-

BIL	TARIKH	STADIUM TEMERLOH
1	22/11/2014 (Sabtu) 8.30 malam	PAHANG (2) Iwn SELANGOR (1)
BIL	TARIKH	STADIUM SG BESAR
2	29/11/2014 (Sabtu) 4.30 petang	SELANGOR (4) Iwn PAHANG (3)

** PAHANG layak ke Peringkat Separuh Akhir dengan kelebihan 2 gol di tempat lawan dengan agregat 5-5.



PENGUATKUASAAN

OPS LORONG BELAKANG

Operasi telah dijalankan sebanyak 2 kali setahun bersama Bahagian Pentadbiran & Kawal Selia iaitu pada 29 Mei 2014 di Sekinchan dan 6 Disember 2014 di Sungai Besar bagi memastikan tiada struktur binaan di atas lorong belakang dan longkang awam sentiasa bersih. Tindakan kompaun telah dikeluarkan kepada pemilik premis yang gagal menjaga kebersihan longkang awam dan lorong belakang.



OPS IKLAN

Operasi merobohkan struktur billboard telah dijalankan pada 14 Oktober 2014 bersama PTDSB, JKR dan JPS Sabak Bernam. Semua iklan dan kain rentang yang dipamerkan tanpa kebenaran pihak MDSB serta melebihi tempoh tempoh yang ditetapkan telah diambil tindakan dari semasa ke semasa. Sebanyak 2378 iklan telah disita oleh MDSB.



OPS PASAR AWAM

Operasi merobohkan struktur billboard telah dijalankan pada 14 Oktober 2014 bersama PTDSB, JKR dan JPS Sabak Bernam. Semua iklan dan kain rentang yang dipamerkan tanpa kebenaran pihak MDSB serta melebihi tempoh tempoh yang ditetapkan telah diambil tindakan dari semasa ke semasa. Sebanyak 2378 iklan telah disita oleh MDSB.





PENGUATKUASAAN

OPS PENJAJA PASAR PAGI & PASAR MALAM

Operasi mengangkat barang penjaja yang bermiaga tanpa lesen serta melanggar syarat & peraturan lesen telah diambil tindakan kompaun serta sita.



OPS PUSAT HIBURAN

Operasi dan pemantauan pusat hiburan telah dijalankan sebanyak 48 kali pada tahun 2014. Sebayak 14 pusat hiburan yang beroperasi tanpa lesen telah diambil tindakan.



OPS ROBOH GERAI TEPI JALAN

Sebanyak 12 gerai telah dirobohkan dalam operasi yang melibatkan binaan gerai sementara yang didirikan di bahu Jalan Persekutuan tanpa kebenaran pihak MDSB.





Kerja-kerja pembersihan


Pembersihan Longkang



Pembersihan Lorong Belahang



Pemotongan Rumput/ Padang



Mencantas Pokok Teduhan





AKTIVITI KELAB SUKAN, KEBAJIKAN & SOSIAL MDSB



Majlis Berbuka Puasa Majlis Daerah Sabak Bernam

Tarikh : 18 Julai 2014
Masa : 6.00 Petang
Lokasi : Dewan Sri Bernam



Sukaneka MDSB

Tarikh : 27 September 2014
Masa : 8.00 Pagi
Lokasi : Stadium Sungai Besar



Sambutan Deepavali

Tarikh : 31 Oktober 2014
Masa : 3.00 Petang
Lokasi : Dewan Sri Bernam



Kejohanan Tenpin Bowling Jabatan Kerajaan Daerah Sabak Bernam 2014

Tarikh : 19 Disember 2014
Masa : 3.00 Petang
Lokasi : Wangsa Bowl Setia City Mall



PENSIJILAN SEMULA SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001: 2008

Pensijilan semula Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2008 telah diadakan pada setiap tahun dan yang terkini ialah pada 26-27 November 2014 yang dijalankan oleh Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan, SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD. Diketuai juruaudit Tengku Aidil Alhaj bin Tengku Amirudin, sebanyak 42 skop prosedur telah berjaya disijilkan antaranya ialah Pengurusan Perlesenan Perniagaan, Pengauditan Pengurusan Kewangan, Pengurusan Pentadbiran & Sumber Manusia, Penguatakuasaan Undang-Undang dan lain-lain. Tempoh sah pensijilan ini ialah 20 Oktober 2012 hingga 19 Oktober 2015.




AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI 5S

Selain memberikan kesedaran kepada kakitangan tentang pentingnya amalan konsep 5S di tempat kerja, amalan ini juga bertujuan untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada orang awam. Oleh itu, bermula pada tahun 2010, MDSB telah berjaya memperolehi Sijil Pengiktirafan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S daripada Malaysian Productivity Corporation (MPC) dan seterusnya berjaya mengekalkan pensijilan bagi tahun ke 4. Antara aktiviti yang dijalankan bagi memberi kesedaran kepada kakitangan ialah mengadakan seminar penghayatan 5S dan melaksanakan pengauditan dalaman.




LAPORAN PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2014

LAPORAN HASIL BULAN JAN – NOV 2014



LAPORAN PERBELANJAAN
BULAN JAN – NOV 2014



LAPORAN HASIL BULAN JAN – NOV 2014

ITEM#	ITEMNAME	QUANTITY	UNIT	UPC#	PRICE	DISC%
70004075	T-1000-A	1,000	EA	110-773-24	\$17,483.00	11%
70004073	110-871-00	730	EA	110-832-00	\$44,524.32	40%
4715						
8888776	1,034,711.00	442	EA	110-886-00	\$3,883,844.12	45%
110-886-00						
700070	8,334,000.00	1,000	EA	110-870-00	\$2,200,000.00	80%
ITEM#	ITEMNAME	QUANTITY	UNIT	UPC#	PRICE	DISC%
70004075	250,000.00	740	EA	110-312-02	\$26,152.74	100%
70004073	868,114.00	883,455.00	EA	110-870-79	\$70,601.00	50%
4715						
8888776	9,270,584.12	9,368,380.12	EA	110-240-49	\$1,038,414.96	30%
110-240-49						
700070	8,100,000.00	1,000	EA	110-870-00	\$2,000,000.00	80%

LAPORAN PERBELANJAAN BULAN JAN – NOV 2014

BITARAKAN	JUMLAH	PENGELUARAN	INCOME	ALRJL	ALRJL	ALRJL
17/05/16	188,516.18	444,249.00	487,977.00	188,516.18	188,516.18	188,516.18
PERBELIANSATUAN DILAKU	487,471.00	313,000.00	326,972.00	488,783.03	488,783.03	488,303.21
BORALAN	-	-	-	-	-	-
ALRJL	-	-	12,000.00	12,000.00	-	12,000.00
PERBANKAN-KERASARI	1,282.00	300.00	1,182.00	-	4,718.00	31,000.00
BAYARAN TETAP	-	-	-	-	-	-
PERBELIANSATUAN	-	200.00	182.00	-	200.00	-
PERBELIANSATUAN LAIN-LAIN	-	-	-	-	-	-
"17/05"	"188,516.18"	"444,249.00"	"487,977.00"	"188,516.18"	"188,516.18"	"188,303.21"
BITARAKAN	JUMLAH	OCTOBER	SEPTEMBER	OKTOKTOBER	NOVEMBER	DECEMBER
17/05/16	1,119,421.13	471,247.00	447,901.00	471,247.00	471,247.00	471,247.00
PERBELIANSATUAN DILAKU	158,708.13	134,100.00	144,804.44	151,501.76	151,501.76	151,501.76
BORALAN	-	-	-	-	-	-
ALRJL	-	-	-	-	-	-
PERBANKAN-KERASARI	-	3,000.00	2,000.00	-	10,000.00	10,000.00
BAYARAN TETAP	-	11,704.70	9,000.00	-	30,474.10	30,474.10
PERBELIANSATUAN	-	300.00	300.00	-	-	-
PERBELIANSATUAN LAIN-LAIN	-	-	-	-	-	-
"17/05"	"1,119,421.13"	"471,247.00"	"447,901.00"	"471,247.00"	"471,247.00"	"471,247.00"



Info pendakwaan Majlis Daerah Sabak Bernam

Pendakwaan merupakan salah satu fungsi yang dijalankan oleh unit perundangan MDSB. Separang tahun 2014 Unit Perundangan MDSB telah melaksanakan pendakwaan bagi pihak MDSB terhadap perlanggaran Akta-Akta dan Undang-Undang Kecil yang melibatkan MDSB. Sebanyak 48 kes telah dibawa ke Mahkamah melibatkan pelbagai kesalahan, seperti menjalankan perniagaan tanpa lesen di bawah UUK 3, Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian MDSB 2007 serta UUK 3, Undang-Undang Kecil Penjaja MDSB 2007. Tindakan pendakwaan ini telah dan akan diambil terhadap mana-mana orang yang melakukan kesalahan dan tidak menjelaskan kompaun yang telah ditetapkan seperti peruntukan dalam Undang-Undang Kecil yang berkaitan.

Bagi kesalahan-kesalahan seperti tersebut hukuman yang boleh dikenakan adalah denda tidak lebih RM2,000.00 atau penjara tidak lebih dari satu (1) tahun atau kedua-duanya. Selain daripada itu, terdapat juga peruntukan bagi kesalahan yang berterusan dilakukan setelah sabitan dikenakan Mahkamah boleh mengenakan denda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan yang sama berterusana dilakukan. Walaubagaimanapun, sebanyak 24 kes telah berjaya diselesaikan diluar mahkamah manakala selebihnya masih dalam tindakan.

Info perkhidmatan Majlis Daerah Sabak Bernam

Permohonan Lesen Premis Perniagaan

- ✓ Satu (1) salinan borang permohonan lesen perniagaan
- ✓ Satu (1) salinan kad pengenalan
- ✓ Dua (2) keping gambar terbaru pemohon berukuran passport
- ✓ Satu (1) salinan borang 24 (penyata perkongsian saham) dan borang 49 (penyata butiran pengarah,pengurus dan perubahan butiran) mengikut Akta Pendaftaran syarikat 1965
- ✓ Satu (1) salinan borang A (pendaftaran perniagaan) atau borang B (pendaftaran perubahan dalam perniagaan) atau borang D (perakuan pendaftaran perniagaan/SSM) mengikut ordinan pendaftaran perniagaan 1986
- ✓ Satu (1) salinan perjanjian sewa premis/tanah atau kebenaran pemilik bangunan/tanah
- ✓ Satu (1) salinan geran tanah atau bil hasil cukai tanah (tanah persendirian) atau lesen menduduki sementara (TOL)
- ✓ Satu (1) salinan bil cukai taksiran MDSB terkini
- ✓ Satu (1) salinan surat pemeriksaan doktor dan suntikan anti tifoid (establismen makanan)
- ✓ Satu (1) salinan kursus pengendali makanan (establismen makanan)
- ✓ Satu (1) salinan pelan lantai premis
- ✓ Gambar Premis (pandangan hadapan,belakang,dalam premis dan sisi)
- ✓ Menyediakan cop syarikat/perniagaan



Lensa MDSB

